



## Peranan dan Cabaran Muslimat dalam Pengimarahannya Masjid

### *Muslim Women's Role and Challenges in Mosque Development*

**Sahlawati Abu Bakar**

Universiti Islam Selangor  
sahlawati@kuis.edu.my

**Nazneen Ismail**

Universiti Islam Selangor  
nazneen@kuis.edu.my

**Khairunnisa Ismail**

Universiti Islam Selangor  
khairunnisa@kuis.edu.my

**Norul Huda Bakar**

Universiti Islam Selangor  
norulhuda@kuis.edu.my

#### ABSTRAK

Masjid ialah sebuah institusi yang berperanan penting dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengimarahannya kepada masyarakat Islam. Semua aktiviti anjuran masjid didokong oleh ahli jawatankuasa yang dilantik sama ada dalam kalangan muslimin ataupun muslimat. Justeru, golongan muslimat turut berperanan dalam aktiviti-aktiviti pengimarahannya masjid. Namun demikian, golongan muslimat ini mempunyai cabaran dalam penglibatan aktiviti-aktiviti anjuran masjid walaupun aktiviti-aktiviti tersebut turut melibatkan golongan ini. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan peranan muslimat dalam pengimarahannya masjid dan mengenalpasti cabaran-cabaran mereka dalam penglibatan aktiviti-aktiviti di masjid. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dan sumber dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Data

dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati golongan muslimat berperanan dalam aktiviti berkaitan ibadah, pendidikan, dakwah, sosial dan ekonomi. Cabaran yang dihadapi mereka adalah dari aspek kecapaian ruang masjid bagi wanita, fasiliti, kelas-kelas khas untuk wanita dan dana. Kajian ini memberikan implikasi terhadap keterlibatan golongan muslimat dalam pengimarahannya masjid dan pembangunan sosio agama.

*Kata kunci: Masjid; Muslimat; Pengimarahannya; Peranan; Cabaran*

### **ABSTRACT**

*The mosque is an institution that is crucial in carrying out Islamic propagation activities for the Muslim community. All mosque activities are supported by men and women assigned to committees. As a result, Muslim women play an important role in mosque development. Nonetheless, despite their participation in mosque-related activities, these women encounter hurdles. The purpose of this research is to analyse the role of Muslim women in mosque development and the challenges they experience when engaging in mosque activities. The study employs qualitative design and data collecting through document analysis. Content analysis is used to examine the data. The data show that Muslim women participate in a variety of activities such as worship, education, preaching, social, and economic activities. Access to mosque places for women, infrastructure, different women's classes, and finance are among the issues they encounter. This study has implications for Muslim women's involvement in mosque development and socio-religious progress.*

*Keywords: Mosque; Muslim Women; Development; Role; Challenges*

### **PENDAHULUAN**

Masjid merupakan tempat ibadah dan pusat komuniti yang memiliki peranan utama dalam kehidupan umat Islam. Peranan dan cabaran yang dihadapi oleh muslimat dalam pengimarahannya masjid adalah isu yang penting dan menarik dalam konteks masyarakat muslim. Namun, peranan dan penglibatan muslimat dalam aktiviti pengimarahannya masjid sering kali menghadapi cabaran yang berbeza daripada kaum lelaki. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka peranan penting yang dimainkan oleh muslimat dalam pengimarahannya masjid, serta mengenal pasti cabaran dalaman dan luaran yang mereka hadapi dalam aktiviti pengimarahannya masjid.

Dalam konteks ini, pengimarahannya masjid melibatkan usaha-usaha untuk memperkemaskan dan memperbaiki kegiatan masjid, termasuk pengurusan, pembangunan, dan penyediaan khidmat untuk masyarakat. Walaupun peranan muslimat dalam pengimarahannya masjid sering kali dianggap penting, namun terdapat perbezaan dalam tahap kebolehcapaian dan penglibatan mereka. Oleh itu, adalah

penting untuk mengkaji secara mendalam tentang peranan yang dimainkan oleh muslimat dalam pengimarahannya masjid serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam usaha memperoleh capaian yang sama dan menyumbangkan kepada pembangunan masjid secara menyeluruh.

Dalam kajian-kajian terdahulu, banyak telah diteliti tentang penglibatan muslimat dalam aktiviti pengimarahannya masjid (Hussain 2009; Kamaruddin & Mohamad 2019; Khan 2018; Mateo 2019; Mohd Razif et al. 2022; Reda 2004; Setiawati et al. 2019; Utaberta et al. 2018). Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan dalam pemahaman mengenai cabaran dalaman yang dihadapi oleh Muslimat dalam pengimarahannya masjid. Cabaran seperti stereotaip gender, pengabaian idea dan pandangan mereka, serta ketidaksamarataan akses kepada keputusan penting dalam pengurusan masjid perlu diberi perhatian dalam usaha memastikan penglibatan muslimat yang lebih berkesan.

Dengan pendekatan kajian yang holistik dan menyeluruh, diharapkan artikel ini dapat memberikan sumbangan penting dalam pemahaman tentang peranan dan cabaran yang dihadapi oleh muslimat dalam pengimarahannya masjid. Melalui pengkajian ini, diharapkan penglibatan muslimat dalam pengimarahannya masjid dapat diperkukuhkan, dan langkah-langkah yang sesuai dapat diambil untuk mengatasi cabaran dalaman dan luaran yang mereka hadapi. Dengan demikian, artikel ini dapat memberikan panduan berharga kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam memperkukuhkan peranan dan penglibatan muslimat dalam aktiviti pengimarahannya masjid secara berkesan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dan jenis kajian adalah dokumentasi yang bersumberkan dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dalam kajian ini, sumber dokumen digunakan untuk mengumpulkan data. Prosedur analisis kandungan dalam kajian ini melibatkan langkah-langkah seperti meneliti isi penting, menilai keabsahan sumber, melakukan perbandingan, dan memberikan kritikan positif. Analisis dokumen ini berdasarkan pendapat Yin (1994) dan Spradley (1980) yang menyatakan bahawa analisis dokumen dapat menjadi sumber bukti penting dalam kajian kualitatif.

Proses analisis kandungan melibatkan penelitian ciri-ciri pentafsiran dalam kitab, penentuan unit analisis, dan pengumpulan bahan yang sesuai untuk kajian. Langkah-langkah ini membantu dalam menganalisis kandungan dokumen secara teliti (Sunawari 2007). Kajian ini menganalisis literatur berkaitan

## **PERANAN MUSLIMAT DALAM PENGIMARAHAN MASJID**

Dalam konteks masjid, skop imarah merujuk kepada bidang yang menjadi tumpuan utama dan fokus untuk melaksanakan aktiviti pengimarahkan. Ahli kariah masjid memainkan peranan penting dalam mengimarahkan aktiviti di dalam masjid (Muhyiddinn & Ridouan 2020). Masjid mempunyai pelbagai skop pengimarahkan, menurut kajian yang dilakukan. Ia meliputi perkara seperti pendidikan, sosiobudaya, komunikasi, ibadah, keusahawanan, dan sebagai tempat untuk aduan masyarakat (Mustari & Jasmi 2008; Muttaqin & As'adi 2019; Ufiana 2016).

Selain itu, fokus imarah dalam masjid juga dilihat sebagai penting bagi generasi muda agar kelompok belia dapat turut serta dalam pengimarahkan masjid (Basit 2009). Masjid turut membantu dalam penjagaan dan pengagihan harta amanah yang berperanan sebagai pusat pengurusan wakaf dan zakat dalam masyarakat setempat (Omar et al. 2019).

Bagi memastikan aktiviti pengimarahkan berjalan dengan baik, ahli jawatankuasa masjid juga perlu memahami secara jelas konsep al-imarah. Konsep ini membentuk asas dan panduan dalam menyusun serta melaksanakan aktiviti pengimarahkan yang efektif dan efisien (Mohd Ridhuwan et al. 2019). Selain itu, masjid menyediakan pelbagai perkhidmatan pengimarahkan yang memenuhi keperluan golongan wanita antaranya kaunseling, pengurusan kewangan keluarga, pendidikan dan perkhidmatan keagamaan. Hasil kajian mendapati golongan muslimat berperanan dalam aktiviti berkaitan ibadah, pendidikan, dakwah, ekonomi dan jawatankuasa masjid.

### **Peranan Muslimat dalam Aktiviti Ibadah**

Salah satu aktiviti ibadah yang diamalkan oleh Muslimat hingga hari ini adalah solat di masjid, melakukan iktikaf, menghadiri pengajian agama mengikuti pengajian al-Quran dan bertadarrus (Salleh 2011). Penglibatan muslimat dalam ibadah solat di masjid adalah dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu. Meskipun hadis menyatakan solat di rumah lebih utama bagi muslimat, mereka boleh pergi ke masjid selagi tidak menimbulkan fitnah. Jika ada potensi fitnah, muslimat tersebut ditegah daripada solat di masjid. Aktiviti ibadah yang melibatkan muslimat di masjid termasuk solat berjemaah, solat Jumaat, solat tarawikh, solat hari raya, dan solat jenazah. Sebahagian muslimat juga menghadiri masjid untuk mendengar khutbah Jumaat dan khutbah hari raya (Hussain 2009).

Selain itu, muslimat juga tidak dilarang untuk melakukan iktikaf di masjid dan ini adalah sunat. Namun, mereka perlu menjaga kebersihan diri sepanjang pelaksanaan iktikaf. Jika mereka mengalami haid atau nifas, mereka tidak boleh beriktikaf di masjid (Salleh 2011). Salah satu aktiviti yang sering dilakukan oleh muslimat di masjid adalah membaca al-Quran. Masjid memberikan suasana yang tenang dan memudahkan pemahaman serta penghayatan terhadap bacaan al-Quran. Oleh itu, banyak muslimat yang menjalankan halaqah al-Quran di masjid, di mana mereka

berpeluang untuk berbincang dan mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan kehidupan sehari-hari, serta mendapatkan ilmu baru mengenai pemahaman al-Quran (Dewiyanti & Kusuma 2012).

Kesemua aktiviti muslimat yang melibatkan ibadah dalam masjid tertakluk kepada syarat-syarat wanita yang dibenarkan berada dalam kawasan masjid. Hukum dan larangan masih perlu dipatuhi selama mana tidak bercanggah dengan kehendak syarak.

### **Peranan Muslimat dalam Aktiviti Pendidikan**

Pendidikan di masjid adalah aspek penting untuk memperkukuhkan dan mengembangkan ilmu agama dalam kalangan masyarakat muslim. Aktiviti pendidikan di masjid melibatkan pelbagai program, seperti pengajian Al-Quran, tafsir, hadis, dan pengajaran agama. Ia juga merangkumi kursus pendidikan Islam untuk kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Melalui aktiviti ini, masjid berfungsi sebagai pusat pembelajaran yang bertujuan membentuk generasi yang berpengetahuan dan berakhlak mulia serta meningkatkan kesedaran agama dalam masyarakat.

Seiring dengan peranan masjid sebagai pusat pendidikan, wanita juga terlibat aktif dalam menghadiri masjid untuk mengikuti kelas-kelas dan ceramah agama, terutamanya yang berkaitan dengan isu-isu fiqh wanita (Salleh 2011). Pada zaman Rasulullah SAW, hubungan antara muslimat dengan masjid sudah terbentuk, di mana masjid menjadi pusat pendidikan bagi para muslimat. Mereka berusaha untuk hadir melaksanakan solat Subuh di masjid dan kemudian mengikuti sesi pengajaran yang dipimpin oleh Rasulullah SAW.

Muslimat tidak hanya menggunakan masjid sebagai tempat untuk mempelajari isu-isu fiqh wanita, tetapi juga sebagai pusat pembelajaran al-Quran. Dimulai dengan membaca huruf asas al-Quran seperti makhraj huruf dan tajwid, hingga mempelajari tafsir dan tadabbur al-Quran. Tujuan mereka adalah memberikan pengenalan kepada muslimat tentang cara membaca al-Quran yang betul, meningkatkan motivasi untuk mempelajari dan memahami al-Quran, serta meningkatkan pengetahuan tentang Islam berdasarkan al-Quran (Sri Ujiana Putri & Aswar, 2020).

Selain itu, program-program yang diadakan oleh muslimat di masjid juga termasuk kursus pengurusan jenazah. Kursus ini penting kerana merupakan tanggungjawab bersepadu yang perlu dijalankan untuk menyempurnakan hak-hak jenazah. Aspek yang diberikan penekanan adalah teknik memandikan dan kafan jenazah (Sri Ujiana Putri & Aswar, 2020).

Ringkasnya, muslimat berperanan dalam aktiviti pendidikan yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka. Peningkatan ilmu dan

kemahiran boleh menambahkan ketrampilan diri muslimat dan menjadikan mereka lebih berdaya saing.

### **Peranan Muslimat dalam Aktiviti Dakwah**

Aktiviti dakwah di masjid memainkan peranan penting dalam menyebarkan dan memperkuat ajaran agama Islam dalam kalangan masyarakat. Dakwah melibatkan pelbagai bentuk seperti ceramah, ucapan, dan kelas pengajian agama. Masjid berfungsi sebagai tempat utama untuk menyampaikan pesanan agama dan meningkatkan kesedaran keagamaan. Melalui aktiviti dakwah di masjid, umat Islam dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan harian mereka.

Muslimat dapat memaksimumkan peranan masjid sebagai pusat dakwah dengan menjadikannya institusi yang bersahabat terhadap wanita dan memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, muslimat turut berperanan dalam gerakan dakwah seperti memberikan ceramah, menyelaras kursus agama dan keluarga, mengurus majlis-majlis agama seperti Maulidurrasul, dan menjadi kaunselor kepada masyarakat (Abdullah & Abdullah, 2019).

Pada zaman Rasulullah SAW, muslimat proaktif dengan menghadiri pertemuan-pertemuan penting. Ini menunjukkan minat muslimat untuk memahami perkembangan semasa di dunia dan negara. Peranan masjid sebagai sumber maklumat pada masa itu tidak hanya terbatas pada lelaki, tetapi muslimat juga turut menghadiri pertemuan seumpama itu kerana merasakan kebersamaan dalam masyarakat (Jasim, 2003).

Salah satu bentuk aktiviti dakwah yang dilakukan oleh muslimat di masjid adalah melalui majlis ta'lim khusus bagi muslimat. Tujuan dari majlis ini adalah untuk memberikan pengetahuan dan pencerahan serta menjawab berbagai pertanyaan yang diajukan oleh muslimat di sekitar masjid, dengan tujuan meningkatkan pengetahuan dan keimanan mereka (Sri Ujjiana Putri & Aswar, 2020).

### **Peranan Muslimat dalam Aktiviti Ekonomi**

Aktiviti ekonomi di masjid semakin penting dalam pengurusan masjid pada masa kini. Ia melibatkan inisiatif seperti pengurusan dana wakaf, kutipan derma, dan perkhidmatan komersial. Masjid berfungsi sebagai pusat ekonomi yang membantu pembiayaan dan penyelenggaraan masjid serta memberikan manfaat kepada komuniti. Pengurusan ekonomi yang berkesan penting untuk memastikan masjid berfungsi sebagai institusi yang berdaya tahan dan berkesinambungan.

Muslimat terlibat dalam berbagai aktiviti yang memberikan manfaat dan keuntungan kepada masyarakat. Mereka juga memiliki kesempatan untuk meningkatkan pengalaman dan memanfaatkan waktu mereka dengan melakukan hal-hal yang bermanfaat bagi umat Islam. Salah satu aktiviti ekonomi yang

dilakukan oleh muslimat di masjid pada masa Rasulullah SAW adalah aktiviti memintal di area suffah wanita, menganyam tikar dari daun pohon tamar, menyertu kulit, dan lain-lain (Jasim, 2003).


Peranan muslimat dalam aktiviti ekonomi semasa semakin penting dan beraneka ragam. Wanita muslim kini terlibat secara aktif dalam pelbagai sektor ekonomi seperti perniagaan, keusahawanan, dan profesional. Mereka membentuk syarikat, mengurus perniagaan kecil, serta memberi sumbangan dalam industri teknologi dan kewangan. Selain itu, muslimat juga berperanan sebagai pekerja profesional dan menyumbang kepada pasaran tenaga kerja. Peranan mereka dalam ekonomi semakin diiktiraf dan dihargai, memperkukuhkan daya saing dan pembangunan ekonomi negara serta memberi kesan positif terhadap masyarakat dan keluarga mereka.

### **Peranan Muslimat sebagai Jawatankuasa Masjid**

Sebagai penghargaan terhadap peranan dan sumbangan muslimat dalam komuniti setempat, institusi masjid melibatkan mereka secara langsung dalam pengurusan masjid. Ini dilakukan melalui pembentukan jawatankuasa muslimat yang bertanggungjawab merancang, menyelaraskan, dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan hal ehwal muslimat (Abdul Hamid et al., 2021; Husain, 2009).

Hal ini diperlukan kerana institusi masjid cenderung dikuasai dan dikelola oleh kaum lelaki, walaupun ia sebenarnya adalah pusat masyarakat yang dikongsi bersama. Oleh itu, sebagai usaha untuk menyeimbangkan situasi ini, muslimat juga turut bergabung dalam memberikan tenaga mereka untuk memberikan inspirasi kepada masjid dan memanfaatkan fungsi masjid secara maksimum sesuai dengan keperluan dan kapasiti muslimat setempat (Jabarkhail 2020).

Tuntasnya muslimat berperanan penting dalam mengimarahkan aktiviti masjid terutamanya yang melibatkan aktiviti-aktiviti wanita. Kajian merumuskan peranan muslimat dalam aktiviti pengimarahkan di masjid seperti Rajah 1 berikut:

**Rajah 1: Peranan Muslimat dalam Aktiviti Pengimarahannya Masjid**

Kesimpulannya, aktiviti yang dijalankan di setiap masjid mungkin berbeza di antara satu masjid dengan yang lain. Ianya bergantung kepada keperluan dan kehendak komuniti tempatan. Oleh itu, setiap aktiviti boleh disesuaikan mengikut keperluan dan minat muslimat di masjid.

### **CABARAN MUSLIMAT DALAM PENGIMARAHAN MASJID**

Muslimat yang hendak ke masjid bagi mengikuti aktiviti-aktiviti kadangkala berhadapan dengan beberapa situasi yang mencabar. Di antaranya adalah larangan menghadiri masjid (Utaberta et al. 2018). Walaupun isu ini tidak berlaku di Malaysia, kajian mendapati ianya terjadi di negara luar. Ini kerap dikaitkan dengan tradisi undang-undang Islam yang didakwa menghalang muslimat daripada menghadiri masjid. Hal ini tidak hanya menyebabkan kekurangan ruang bagi muslimat di masjid, tetapi juga menimbulkan persoalan mengenai status wanita dalam Islam.

Isu kehadiran muslimat di masjid telah dibincangkan dari pelbagai perspektif seperti gender, senibina, dan teologi. Terdapat bukti bahawa tidak ada pemisahan atau pengasingan antara lelaki dan perempuan di dalam masjid, dan tidak ada pintu masuk yang berasingan untuk muslimat. Walau bagaimanapun, Umar ibn al-Khattab, khalifah kedua, cuba mengecualikan muslimat dari masjid. Pada tahun-

tahun berikutnya, muslimat menghadapi pengecualian dari masjid dan juga ketidaksetaraan yang lebih lanjut (Khan 2018).

Kajian ini meneliti beberapa situasi melibatkan muslimat dan masjid yang berlaku di luar negara seperti di Uzbekistan (Utaberta et al. 2018), Australia (Ghafournia 2022), Amerika Syarikat (Jabarkhail 2020) dan Malaysia (Sahlawati et al. 2021). Kajian yang dilakukan oleh Utaberta mendapati muslimat di Uzbekistan tidak dibenarkan masuk ke masjid, tetapi mereka membentuk pertemuan sendiri untuk membaca Al-Quran sebagai ganti. Situasi serupa juga dilaporkan di negara lain di mana wanita dihalang daripada memasuki masjid. Walaupun demikian, pada zaman Nabi Muhammad SAW, wanita aktif menghadiri solat di masjid dan anak-anak juga mengikut ibu mereka. Nabi SAW menggalakkan wanita memasuki masjid, walaupun tidak ada peraturan yang mengharuskan wanita solat di masjid (Nurhakki & Haq 2017).

Di Australia, masjid secara amnya tidak melarang wanita secara eksplisit, tetapi kebimbangan mengenai kesesuaian dan layanan terhadap wanita Islam. Ramai wanita mengadu tentang ruang dan kemudahan yang tidak mencukupi, serta layanan mereka oleh organisasi masjid yang dikawal oleh lelaki. Isu termasuk perasaan terkurung, kesukaran untuk melihat dan mendengar imam doa, kemudahan yang tidak sama rata, dan diabaikan dalam proses membuat keputusan. Pendidikan Islam di kalangan wanita Islam di Sydney berbeza-beza, dengan sesetengahnya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi manakala yang lain buta huruf. Wanita tua, hanya boleh mengunjungi masjid sekali seminggu (Hussain 2009).

Beberapa wanita yang terlibat dalam aktiviti masjid merasakan bahawa mereka tidak menerima perlakuan yang sepadan dengan maruah dan kemuliaan yang Islam anugerahkan kepada mereka. Mereka merasakan pemimpin masjid tidak mengambil berat tentang idea dan keprihatinan wanita. Wanita-wanita ini juga mengharapkan peranan yang lebih besar dalam pengurusan masjid dan proses membuat keputusan. Mereka percaya bahawa prasangka gender budaya adalah yang menghalang hak mereka untuk terlibat secara aktif di masjid (Utaberta et al. 2018).

Bagaimanapun, masjid di Amerika Syarikat dikatakan lebih inklusif berbanding di luar negara, dengan wanita terlibat dalam pelbagai peranan penting. Mereka turut mendapat faedah daripada masjid seperti penginapan, pengangkutan, komuniti, peluang pembelajaran dan sokongan sosial. Walaupun terdapat beberapa contoh keterangkuman jantina, secara keseluruhannya, masjid dianggap sebagai ruang yang didominasi lelaki (Jabarkhail 2020).

Di samping isu gender, muslimat juga menghadapi cabaran dari aspek fasiliti yang terdapat di masjid khusus bagi wanita. Kebanyakan masjid di negara majoriti Islam menyediakan bilik berasingan untuk wanita, walaupun ia sering dilihat sebagai sesuatu yang difikirkan semula. Bilik-bilik ini cenderung lebih kecil, kurang

dilengkapi kemudahan asas, dan berasingan dari dewan utama masjid (Utaberta & Othman 2012). Oleh itu, adalah penting untuk memberi perhatian kepada keperluan wanita dalam perancangan ruang masjid dan memastikan mereka berasa dialu-alukan dan dihargai.

Akses kepada kemudahan masjid untuk wanita mungkin tidak memuaskan, kerana mereka dijangka menggunakan pintu masuk yang berasingan untuk mengelakkan sentuhan dengan lelaki yang tidak berkaitan. Kajian Hussain (2009) mendapati wanita perlu masuk melalui pintu yang terletak di seberang tempat letak kereta dan lorong sempit. Ada juga masjid yang meletakkan kawasan bilik air wanita di tingkat bawah tanah dan kawasan solat yang memerlukan menaiki tangga yang curam. Hal ini boleh menyebabkan kesukaran akses kepada wanita untuk menghadiri masjid.

Di dalam konteks Amerika Utara, wanita berharap agar khutbah Jumaat lebih peka terhadap bahasa dan budaya setempat serta seimbang dalam kandungannya. Isu-isu gender perlu dibincangkan dalam khutbah dengan menekankan perbezaan antara budaya dan agama serta mengakui kepelbagaian pengalaman wanita muslim (Utaberta et al. 2018).


Justeru itu, kemudahan fasiliti di masjid yang bersesuaian didapati boleh menarik wanita untuk datang ke masjid sama ada untuk beribadah mahupun mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid (Sahlawati et al. 2021). Kebanyakan masjid mempunyai ruang khusus untuk wanita, termasuk kawasan solat, kemudahan wuduk, dan tandas. Kebiasaannya, wanita berada di belakang lelaki semasa solat dan kemudahan seperti telekung dan almari disediakan. Kebersihan dan penyelenggaraan adalah penting untuk memastikan persekitaran yang bersih di kedua-dua tempat solat dan ruang wuduk (Mohd Razif et al. 2022).

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa terdapat kurangnya kelas khas untuk muslimat di masjid. Kuliah untuk muslimat biasanya hanya diadakan sekali sebulan. M (Rahman & Abbas 2018).

Selain itu, kajian mendapati cabaran aktiviti pengimarahannya di masjid adalah faktor kekurangan dana untuk menganjurkan program. Pengurusan dana secara berkesan di masjid-masjid boleh mengatasi isu pengagihan dana secara saksama antara aktiviti umum dan aktiviti wanita. Kajian Sharifah Norhafiza et al. (2021) mengesyorkan proses tadbir urus kebajikan bersama melalui peraturan yang disyorkan diterima pakai oleh jawatankuasa masjid, manakala pihak berkuasa yang berkaitan boleh memantaunya dengan mengikuti amalan terbaik tadbir urus yang baik. Masjid juga seharusnya memberikan tumpuan skop pengimarahannya yang bersesuaian kepada wanita seperti kaunseling, pengurusan kewangan keluarga dan pendidikan anak-anak selain bidang keagamaan (Sahlawati et al. 2021).

Cabaran yang dihadapi oleh muslimat dalam penglibatan aktiviti di masjid berbeza-beza bergantung kepada budaya, tradisi, dan konteks sosial masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran umum yang boleh dihadapi oleh muslimat dalam penglibatan mereka di masjid. Kajian menyimpulkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh muslimat dalam aktiviti pengimarahannya adalah seperti Rajah 2 berikut:

**Rajah 2: Cabaran Muslimat dalam Pengimarahannya Masjid**



1. Ruang dan sumber yang terhad: Masjid sering tidak menyediakan ruang yang mencukupi untuk wanita Islam menyertai aktiviti ziarah. Kemudahan yang terhad seperti bilik wuduk, tandas dan tempat rehat yang sesuai juga menjadi cabaran.
2. Akses dan peranan terhad: Sesetengah masjid mungkin mempunyai dasar yang membataskan akses wanita Islam ke kawasan utama masjid atau peranan mereka dalam membuat keputusan dan pengurusan masjid. Ini boleh menghalang penglibatan aktif dan sumbangan muslimat dalam aktiviti masjid.
3. Kekangan masa: Tuntutan peranan rumah tangga dan tanggungjawab keluarga sering menyebabkan wanita Islam mempunyai masa yang terhad untuk menyertai aktiviti masjid. Keseimbangan antara tanggungjawab keluarga dan komitmen masjid adalah satu cabaran.

4. Kurang sokongan dan pengiktirafan: Muslimat mungkin menghadapi kekurangan sokongan dan pengiktirafan daripada masjid dalam menjalankan peranan mereka dalam aktiviti yang melibatkan wanita. Keterlibatan mereka mungkin terbatat kerana tidak mendapat sokongan dan kerjasama yang diperlukan.
5. Kekurangan capaian kepada pendidikan dan latihan: Muslimat mungkin menghadapi capaian terhad kepada pendidikan agama dan latihan yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam kepimpinan masjid.
6. Cabaran komunikasi: Komunikasi berkesan antara wanita Islam dan masjid sering menjadi cabaran terutama dalam menyampaikan keperluan dan aspirasi mereka.
7. Pembatasan tradisi dan budaya: Budaya tempatan yang memandang rendah terhadap peranan dan sumbangan muslimat dalam masyarakat dapat menghalang penglibatan mereka di masjid. Pembatasan tradisi dan norma sosial yang tidak memihak kepada kesetaraan gender dapat mempengaruhi kesempatan muslimat untuk terlibat sepenuhnya dalam aktiviti masjid.

Dalam menghadapi cabaran ini, adalah penting untuk menggalakkan keterangkuman, kesaksamaan, dan pengiktirafan terhadap sumbangan wanita Islam terhadap kepimpinan masjid. Usaha bersama diperlukan untuk mewujudkan persekitaran masjid yang inklusif, di mana wanita Islam boleh mengambil bahagian secara aktif dan memberi sumbangan berguna kepada kemajuan masyarakat.

## **KESIMPULAN**

Muslimat memainkan peranan penting dalam kepimpinan masjid dan berpotensi besar untuk memberi sumbangan besar kepada pembangunan masyarakat. Namun begitu, mereka turut berdepan beberapa cabaran yang perlu dilalui untuk menyertai sepenuhnya aktiviti pengimarah masjid. Beberapa cabaran yang dihadapi oleh wanita Islam termasuk akses dan ruang yang terhad, peranan dan penyertaan yang terhad, stereotaip gender, kekurangan sokongan dan latihan, akses terhad kepada pendidikan agama, kekurangan sokongan masyarakat, dan perbezaan tafsiran agama.

Bagi memperkasakan peranan wanita Islam dalam kepimpinan masjid, perlu ada kerjasama daripada seluruh masyarakat. Masjid boleh menyediakan ruang yang mencukupi dan inklusif untuk muslimat dan menyediakan sokongan dan latihan yang diperlukan untuk mereka mengambil bahagian dengan berkesan. Selain itu, stereotaip gender perlu diselesaikan dengan mengiktiraf kebolehan dan sumbangan unik wanita Islam.

Di samping itu, ia juga penting untuk meluaskan akses kepada pendidikan agama untuk muslimat dan menghormati pandangan mereka. Sokongan padu masyarakat

dan pengiktirafan terhadap sumbangan muslimat terhadap kepimpinan masjid juga amat penting untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif dan diperkasakan. Dengan mengatasi cabaran ini dan memberikan muslimat peranan yang lebih besar dalam kepimpinan masjid, pembangunan masyarakat yang holistik dan inklusif dapat dicapai serta mengukuhkan asas kepelbagaian berdasarkan nilai-nilai kesaksamaan dan keadilan dalam Islam.

## PENGHARGAAN

Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2022. (2022/P/GPIK/GPM-02/021).

## RUJUKAN

- Abdullah, N. E. A., & Abdullah, B. (2019). Peranan wanita muslimah dalam dakwah kepada keluarga dan masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 13-21. <https://doi.org/10.37231/jimk.2019.20.2.207>
- Abdul Hamid, S., Abdul Rahman, M. N., Ishak, M. S., & Ismail, S. (2021). Pengalaman pengurusan pentadbiran masjid-masjid terbaik di Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(42), 68-78. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/28573/>
- Basit, A. (2009). Strategi pengembangan masjid bagi generasi muda. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 3(2): 270–286. doi:10.24090/komunika.v3i2.130
- Dewiyanti, D., & Kusuma, H. E. (2012). Spaces for muslims Spiritual meanings. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 50(July): 969–978. doi:10.1016/j.sbspro.2012.08.098
- Ghafournia, N. (2022). Muslim women's religious leadership: The case of Australian mosques. *Religions* 13(6): 1–15. doi:10.3390/rel13060534
- Hussain, J. (2009). Finding the women's space: muslim women and the mosque. Dlm. Dreber (pnyt.) & Ho (pnyt.). *Beyond the Hijab Debates: New Conversation on Gender, Race and Religion*, hlm. 52. Newcastle. Retrieved from <https://opus.lib.uts.edu.au/handle/10453/11768>
- Jabarkhail, S. (2020). Servant leadership in the context of mosque: A qualitative case study of muslim women's perspectives. *Administrative Sciences* 10(3): 1–19. doi:10.3390/admsci10030072
- Kamaruddin, N., & Mohamad, A. F. (2019). Pengurusan dan pengimarahannya masjid: kefahaman dan tuntutan. *6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)*, hlm. 1–12.
- Khan, S. (2018). Women's mosque attendance: Reading through body and text. *International Journal of Research in Social Sciences* 8(8): 299–304.
- Mateo, M. P. (2019). The mosque as an educational space: Muslim women and religious authority in 21st-century Spain. *Religions* 10(3). doi:10.3390/rel10030222

- Mohd Razif, N. F. A., Mohd Isa, N., & Raja Shahminan, R. N. (2022). Women friendly mosque: An overview. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management* 7(27): 121–129. doi:10.35631/jthem.727011
- Mohd Ridhuwan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti Azimah, S. (2019). Prinsip al-imarah dalam kalangan AJK masjid ke arah mengimarahkan institusi masjid. *Jurnal al-Turath* 4(2): 28–36.
- Muhyiddinn, A. D., & Ridouan, A. (2020). Peranan ahli kariah masjid dalam mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid : Satu kajian di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab Pahang Darul Makmur. *Al-Sirat* 19: 117–134.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat hadhari. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from [http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIPS/bookchapter\\_ppips02.pdf](http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIPS/bookchapter_ppips02.pdf)
- Muttaqin, A. I., & As'adi, M. (2019). Pendampingan kegiatan keagamaan di Masjid Al Falah Dusun Krajan Desa Siliragung Kecamatan Siliragung Banyuwangi. *Jurnal ABDI KAMI (Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat)* 1(2): 105–114.
- Nurhakki, N., & Haq, I. (2017). Representasi perempuan di masjid. *Jurnal Askopis* 1(2): 81–88. doi:10.32494/ja.v1i2.31
- Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2019). Assessing strategic orientation and mosques performance. *Research in World Economy* 10(5): 30–35. doi:10.5430/rwe.v10n5p30
- Rahman, A. A., & Abbas, R. (2018). Persepsi masyarakat terhadap program pengimarah masjid di negeri Pahang : Satu analisis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language* 1(2): 16–26.
- Reda, N. (2004). Women in the mosque: Historical perspectives on segregation. *American Journal of Social Sciences* 21(2): 77–97.
- Sahlawati, A. B., Mariam, A. M., & Zanariah, D. (2021). Tinjauan tematik mengenai keterlibatan wanita dalam pengimarah masjid. *Al-Mimbar* 1(1): 49–58.
- Salleh, S. F. (2011). Muslimah dan masjid dari perspektif aktiviti ibadah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (Keluaran Khas)*: 71–81.
- Setiawati, R., Sulistiawati., & Kalsum, A. U. (2019). Woman empowerment through mosque-piety activities. *Proceedings of the 1st Raden Intan International Conference on Muslim Societies and Social Sciences (RIICMuSSS 2019)*, hlm. Vol. 492, 99–104. doi:10.2991/assehr.k.201113.019
- Sharifah Norhafiza, S. I., Hamidah, B., Radziah, M., Mohd Yassir, J., Salina, A., & Mohd Tarmizi, I. (2021). Good governance practiced by the Malaysian mosque committees in managing mutual benevolence: Member's perception. *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2): 50–62. doi:10.33102/jfatwa.vol26no2.400
- Spradley, J. S. (1980). Participant observation. (R. & W. Holt, Ed.). New York.
- Sunawari, L. (2007). Pengenalan metodologi penyelidikan Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ufiana. (2016). Efektivitas dakwah muslimat NU di Desa Nyamuk Kecamatan Karimunjawa Kabupaten Jepara. *Jurnal An-Nida* 8(1): 83–92.

- Utaberta, N., & Othman, H. (2012). Analisis hadits dalam permasalahan perancangan masjid modern di Malaysia. *Journal of Islamic Architecture* 1(3): 107–122. doi:10.18860/jia.v1i3.1770
- Utaberta, N., Samia Omi, F., Roslan, S. B., & Mohd Ariffin, N. F. (2018). An analysis of women's access and participation in the mosques in the contemporary world. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, hlm. Vol. 401. doi:10.1088/1757-899X/401/1/012032
- Yin, R. K. (1994). *Case study research: design and methods (applied social research methods)*, hlm. 2nd Edisi. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.